



13 Disember 2012  
13 December 2012  
P.U. (B) 408

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)

*NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

## AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

## NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 70(2)


Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], yang kesannya akan melarang pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama.

Bantahan terhadap cadangan itu, jika ada, mestilah dihantar secara bertulis kepada Dato Bandar Kuala Lumpur pada atau sebelum 27 Disember 2012 di Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL II, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

## JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Arah yang ditentukan</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Jalan Bulan dari persimpangannya dengan Jalan Bukit Bintang hingga ke persimpangannya dengan Jalan Bulan 1 sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	(i) Kenderaan dari Jalan Bukit Bintang menghala ke Jalan Bulan 1 hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua  (ii) Kenderaan dari Jalan Bulan 1 menghala ke Jalan Bukit Bintang hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Mulai 28 Disember 2012 hingga 27 Disember 2017

JADUAL KEDUA



Bertarikh 11 Disember 2012  
[DBKL/JUP/BPPP/37/76 (B) PT. XV; PN(PU2)460/LXVIX]

DATUK HAJI AHMAD PHESAL BIN HAJI TALIB  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

## NOTICE UNDER SUBSECTION 70(2)


The Dato Bandar Kuala Lumpur, after consultation with the Director General for Road Transport, proposes to make an order under subsections 70(1) and (2) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], the effect of which will be to prohibit the driving of all vehicles on the part of the road as specified in column (1) of the First Schedule, as shown on the map in the Second Schedule, otherwise than in the directions specified in column (2) of the First Schedule, for the period specified in column (3) of the First Schedule.

Objections to the proposals, if any, must be sent in writing to the Dato Bandar Kuala Lumpur on or before 27 December 2012 at the Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Menara DBKL II, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

## FIRST SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
<i>Road to which the prohibition applies</i>	<i>Direction specified</i>	<i>Prohibition period</i>
Jalan Bulan from its junction with Jalan Bukit Bintang until its junction with Jalan Bulan 1 as demarcated on the map in the Second Schedule	(i) Vehicles from Jalan Bukit Bintang proceeding towards Jalan Bulan 1 shall use the alternative road as shown on the map in the Second Schedule  (ii) Vehicles from Jalan Bulan 1 proceeding towards Jalan Bukit Bintang shall use the alternative road as shown on the map in the Second Schedule	With effect from 28 December 2012 until 27 December 2017

SECOND SCHEDULE



Dated 11 December 2012  
[DBKL/JUP/BPPP/37/76 (B) PT. XV; PN(PU2)460/LXIX]

DATUK HAJI AHMAD PHESAL BIN HAJI TALIB  
*Dato Bandar Kuala Lumpur*